

Keamanan dikecapi kerana sikap sederhana: Dr M

BH - 4 SEP 2001

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keamanan dan kemakmuran yang dikecapi Malaysia selama ini adalah disebabkan sikap kesederhanaan dan tidak ekstrim majoriti rakyatnya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan,

keadaan itu tidak akan terus berkekalan apabila ada golongan tertentu berasa bosan dan mahu menukar sistem demokrasi yang ada.

"Di Malaysia sendiri ada Dewan (Dewan Undangan Negeri) yang dipilih oleh rakyat-tidak berkuasa penuh kerana semua kepu-

tusan yang dibuat perlu dirujuk kepada pihak yang melantik diri mereka sendiri dan menganggap diri mereka pakar dalam keputusan itu.

"Kita harus berjaga-jaga dengan perkembangan seperti ini agar tidak sampai ke peringkat pusat," katanya ketika berucap

pada Majlis Makan Malam Kelab Senator Malaysia di Hotel Nikko di sini, malam ini.

Turut hadir pada majlis itu adalah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdul-

tor Malaysia, Datuk Abdul Aziz Rahman; Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Michael Chen Wing Sum dan menteri-menteri Kabinet.

Pada majlis makan malam itu juga, Kelab Senator Malaysia turut menyampaikan hadiah istimewa berbentuk kek berting-

kat yang dihiasi dengan nombor 20, melambangkan dua dekad Dr Mahathir menjadi pemimpin negara.

Dr Mahathir berkata, Dewan Negara setakat ini tidak memberi sebarang masalah kerana majoriti mereka dilantik oleh kerajaan.